

Kosongkan kawasan setinggian asing: 1

Oleh Kadir Dikoh

BH - 8 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan memastikan tiada tanah milik kerajaan di kawasan mereka dijadikan penempatan setinggian oleh pendatang asing.

Serentak itu, beliau meminta kontraktor, khususnya yang menjalankan projek besar dengan ramai pekerja asing supaya menyediakan rumah kongsi bagi mengelak pendatang asing menduduki merata tempat secara haram.

"Sesiapa pun memang tidak dibenarkan menduduki tanah kerajaan. Menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan kawasan itu dikosongkan bagi pembangunan yang lebih tersusun dan teratur.

"Kita telah pun melaksanakan pendekatan ini dengan memindahkan setinggian ke kawasan yang lebih baik dengan perumahan lebih selesa tetapi ia tidak melibatkan rakyat asing," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia 2000 di Hotel Pan Pacific, di sini.

Abdullah mengulas laporan akhbar *Berita Minggu* baru-baru ini yang menyebut sekurang-kurangnya 13 kawasan di sekitar ibu kota dan Selangor dikenal pasti menjadi penempatan utama setinggian pendatang asing Indonesia dan Kemboja.

Tinjauan rambang pihak berkuasa tempatan, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati pendatang asing Indonesia menguasai lima kawasan setinggian di bandar raya.

DBKL percaya pendatang asing Indonesia menguasai kawasan Lembah Pantai, Sungai Penchala, Datuk Keramat, Wangsa Maju dan Ampang sejak akhir tahun SO-an, manakala tinjauan rambang *Berita Minggu* mendapati pendatang Indonesia bermaharajalela di tujuh kawasan di Selangor iaitu di stesen keretapi Pelabuhan Klang, Sungai Way, Balakong, Ampang, Sepang dan Batu Caves.

Sebelum itu, *Berita Harian* melaporkan pencerobohan pendatang asing di tanah kerajaan dan kebun getah berhampiran kampung Limau Manis, berdekatan Putrajaya sehingga menamatkan penduduk tempatan di situ.

Kawasan itu mempunyai kira-kira 6,000 pendatang asing, melebihi enam kali ganda penduduk kampung yang hanya 1,000 orang. Ekoran laporan itu, pihak berkuasa merobohkan lebih 150 binaan termasuk rumah, pondok serta khemah yang didirikan pendatang di kebun getah dan hutan di bawah pencawang kabel elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di situ.

Abdullah berkata, penempatan pendatang asing di merata tempat

LIHAT MUKA 2, RUANG 6

merebak

BH - 8 MAR 2000
DARI MUKA 1

bukan saja menghalang program pembangunan kerajaan, malah menimbulkan pelbagai masalah lain seperti sosial dan kesihatan kepada penduduk tempatan berhampiran.

"Tentulah tindakan yang akan diambil itu amat sulit tetapi kerajaan tidak boleh membiarkan kawasan itu dalam keadaan sesak, tidak elok dan mungkin tahap kesihatan tidak baik yang boleh menyebabkan penyakit merebak ke tempat lain.

"Oleh itu, adalah penting bagi pihak berkuasa kerajaan tempatan mengosongkan kawasan ini untuk pembangunan yang lebih selesa dan lebih elok," katanya kepada Mengenai tindakan sesetengah pemilik tanah menyewa tanah lot kurnia kerajaan kepada pendatang asing, dipercayai sehingga RM2,000, Abdullah yang juga Menteri Dalam negeri berkata tindakan itu adalah salah.

"Itu tak boleh. Macam mana pula kita nak sewa tanah kerajaan kepada orang lain, lepas itu pula nak ambil sewa. Perbuatan ini memang salah," katanya.

Abdullah berkata kerajaan juga akan terus mengambil tindakan bagi mencari tapak lebih sesuai untuk menempatkan setinggian daripada penduduk tempatan.

"Kerajaan bertimbang rasa, ada sifat penyayang. Kita tidaklah bertindak kasar dalam hal ini dan cuba memperbaiki kedudukan, mengatasi masalah setinggian yang begitu banyak.

"Pelbagai tindakan sudah diambil untuk kebajikan mereka. Bagaimanapun ia ada hadnya kerana kawasan itu nanti akhirnya, mesti dibangunkan. Kalau mereka tinggal di situ kerana keperluan mendesak, tidak ada tempat lain, kita dapat memahaminya," katanya.